



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam**

**PENOLONG PENAKSIR KANAN (C.2 EB.3)  
JABATAN TANAH  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PENOLONG PENAKSIR KANAN**  
**JABATAN TANAH**  
**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**  
**C.2 EB.3 (\$1,450 - \$2,270 EB KHAS \$2,340 - \$2,620 SEBULAN)**  
**KEKOSONGAN = DUA (02)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. i) *BDTVEC/BTEC* Sijil Tertinggi Kebangsaan (*HNC*) atau sebanding dalam bidang Ekonomi Hartanah Perbandaran (*Urban Land Economics*) / Pelaburan & Pembiayaan / Kewangan Hartanah (*Real Estate Investment & Finance*) / Penaksiran Hartanah (*Properties or Real Estate Valuations*) / Pengurusan Estet (*Property or Real Estate Management*) / Pengurusan dan Pentadbiran Hartanah (*Land Management and Administration*) / Pembangunan Hartanah (*Real Estate Development*) atau bidang bersesuaian.

**ATAU**

- ii) Telah berkhidmat di Jabatan Tanah dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun atau sebagai Penolong Penaksir Tanah sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

**ATAU**

- iii) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
2. Mahir dan berkebolehan dalam perkara-perkara berikut:
    - i) Kerja-kerja pengukuran dan pemetaan.
    - ii) Menyukat dan menilai bangunan-bangunan dan tanah.
    - iii) Mengira keluasan-keluasan dan memahami peta / pelan.
    - iv) Menyediakan taksiran dan menulis laporan-laporan.



**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Membantu Pegawai Penaksir Tanah dan Ketua Penolong Penaksir dalam kerja-kerja pemeriksaan dan membuat penilaian bagi permohonan-permohonan Pengambilan Balik Tanah, Harga Khas Tanah (*Premium*), menyediakan taksiran bagi memudahkan pinjaman Kerajaan untuk membina rumah, *Wayleave Agreement* dan membuat taksiran bagi Cukai Setem dan Cukai Pesaka;
2. Membantu Ketua Penolong Penaksir dalam urusan pentadbiran dan pengurusan kakitangan di Unit Penaksiran, Jabatan Tanah.